



## KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN JULAI 2022

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	11.07.2022	Dana RM15B Utamakan Pembinaan Tebatan Banjir	2
2.	16.07.2022	PERKESO Gantung RM423J Bayaran PenjanaKerjaya	3
3.	16.07.2022	Jumlah Suspek Ditahan Meningkat – Kes PenjanaKerjaya	
4.	19.07.2022	Kolam Takungan Pecah Punca Banjir Di Baling	4
5.	19.07.2022	SPRM Tahan Dua Lagi Suspek Termasuk Pengarah Syarikat – Tipu Maklumat Invois Kepada PERKESO	5
6.	20.07.2022	Tiga Kena Reman Kes Rasuah Lebih RM24 Juta	6
7.	20.07.2022	Profesor Didakwa Kemuka Tuntutan Palsu RM66,000	7
8.	22.07.2022	2 Pegawai Kanan MARA Dituduh Terima Suapan	8
9.	30.07.2022	PERKESO Perketat Pantau Pihak Mohon PenjanaKerjaya	9

• Inini, 11 Julai 2022 •

Nasional

3

# Dana RM15b utamakan pembinaan tebatan banjir

Langkah khas dilaksana segera kurangkan kesan bencana alam

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan memerlukan RM15 bilion melalui fasa pertama program adaptasi perubahan iklim bersekutu tahun ini bagi membina lebih banyak projek tebatan banjir, termasuk banjir lumpur dan aliran puing di hulu sungai di negara ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang, berkata peruntukan itu

alah susulan adaptasi perubahan iklim dalam sektor alam sekitar dan air.

Katanya, program adaptasi perubahan iklim itu adalah bagi tebatan banjir dan hakisan pantai, termasuk keruntuhan tebing di hulu sungai yang menyebabkan aliran puing atau banjir lumpur khususnya di 50 lokaliti yang dilaporkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

"Kita sasarkan projek fasa awal bernilai RM15 bilion itu boleh disiapkan selewat-lewatnya menjelang 2030 dengan fokus projek tebatan banjir di kawasan dilanda bencana kira-kira enam bulan lalu.

"Melalui pelan adaptasi ini, KASA akan melaksanakan projek tebatan banjir antaranya di empat kawasan di Baling, Kedah; Klang, Hulu Langat di Selangor dan Raub di Pahang.

"Kita melaksanakan projek



Pelbagai sisa kayu dibawa arus sungai tingkat kesan dan kerosakan banjir di sekitar kawasan kejadian.

(Foto hiasan)



Laporan BH semalam.

ini di lokaliti yang tebing runtuh di hulu sungai," katanya kepada *BH* di sini, semalam.

Muka depan *BH* semalam melaporkan, JPS mengenal pasti kira-kira 50 lokaliti di seluruh negara yang berisiko tinggi berlaku insiden tebing runtuh di hulu sungai kerana kedudukannya terletak berhampiran lokasi berpotensi mengalami kejadian aliran puing dan

banjir lumpur.

Locality berkenaan terletak di Johor, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Sabah, Sarawak, dan Selangor.

Susulan penemuan itu, JPS merangka projek tebatan banjir untuk dibangunkan di semua lokaliti berkenaan termasuk membina struktur sabo yang diadaptasi dari Jepun.

Zaini berkata struktur sabo berjaya mengurangkan tahap risiko aliran puing dan banjir lumpur; malah Jepun sendiri sudah membina lebih 100,000 struktur sabo sejak 100 tahun lalu.

Selain tebatan banjir, katanya, KASA turut bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi memantapkan kawal selia guna tanah khususnya di hulu lemba-

ngan sungai.

"Kita juga akan menyediakan sistem amaran cuaca dan aras air sungai yang lebih meluas khususnya di kawasan berisiko tinggi," katanya.

Beliau berkata, penduduk berhampiran kawasan berisiko turut dinasihat memastikan setiap rumah dilengkapkan dengan kemudahan sistem saliran selain mewujudkan 'sahabat sungai' bagi memastikan lembangan sungai bersih dan diurus dengan baik.

Katanya, penduduk perlu membina struktur bersesuaian untuk mengurangkan risiko banjir lumpur seperti tembok dan jika berkemampuan, mendirikan rumah bertiang, selain segera berpindah jika diarahkan pihak berkuasa.

Berita Harian | 16 July 2022 | Page 6



# PERKESO gantung RM423j bayaran PenjanaKerjaya

Ada majikan, penyedia latihan dikesan kemula tuntutan palsu, seleweng dana

Oleh Azhar Shahrulnizam  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** PERKESO menggantung bayaran terhadap Program Insentif Pengambilan Pekerja (PenjanaKerjaya) sebanyak RM423 juta, susulan wujud penyelewengan dan tuntutan palsu membabitkan pihak majikan dan penyedia latihan.

Ketua Eksekutif PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed, berkata tindakan penggantungan bayaran di-

buat berdasarkan analisis data dan pemantauan berterusan oleh Bahagian AntiFraud, Etika & Integriti (AEFI) agensi itu.

Siasatan berhubung kes tuntutan palsu PenjanaKerjaya itu dibuat melalui Ops Hire, yang dilaksanakan secara berspadu bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bermula Rabu lalu, selepas pemantauan dan risikan sejak Mei mendapati ada majikan mengemukakan tuntutan palsu dan menyelweng dana PenjanaKerjaya.

"PERKESO amat menekankan nilai integriti, kejujuran dan amanah dalam pengagihan bantuan kewangan kerajaan kerana ia membabitkan dana awam.

"PERKESO mengingatkan majikan supaya jujur dan berintegriti dalam mengemukakan permohonan untuk apa-apa program bantuan kerajaan termasuk PenjanaKerjaya yang dilaksanakan oleh agensi ini," katanya da-

lam kenyataan semalam.

**“PERKESO ingatkan majikan supaya jujur dan berintegriti dalam kemukakan permohonan untuk apa-apa program bantuan kerajaan, termasuk PenjanaKerjaya dilaksana agensi ini”**

Mohammed Azman Aziz Mohammed,  
Ketua Eksekutif PERKESO



isu penyelewengannya kerana bantuan kewangan kerajaan bertujuan untuk meringankan beban pihak yang layak serta benar-benar memerlukan, mengikut syarat dan kaedah yang ditetapkan," katanya.

PERKESO sudah membuat bayaran RM2.34 bilion kepada 45,379 majikan bagi menempatkan 327,789 pencari kerja ke dalam pekerjaan melalui PenjanaKerjaya sehingga kini.

Berita Harian | 16 July 2022 | Page 6

## Jumlah suspek ditahan meningkat

**Putrajaya:** Jumlah suspek yang ditahan berkaitan tuntutan palsu dan penyelewengaan dana Program Insentif Pengambilan Pekerja (PenjanaKerjaya) meningkat kepada 40 orang, termasuk tiga tangkap baru dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang dikenakan tahanan reman, semalam.

Tiga individu yang baharu ditahan itu terdiri daripada seorang ketua kerani jabatan kerajaan dan dua pekerja syarikat swasta, ditahan bagi membantu siasatan lanjut dalam isu penyelewengaan dana PenjanaKerjaya membabitkan nilai keseluruhan kira-kira RM100 juta.

Permohonan reman tiga individu itu masing-masing berusia 26 hingga 41 tahun itu dibuat di Mahkamah Majistret Johor Bahru dan Georgetown pagi semalam.

Ketua keran berusia 41 tahun ditahan oleh SPRM Johor kira-kira jam 7.45 malam kelmarin, ketika hadir memberi keterangan kes berkenaan.

"Suspek dipercayai menerima wang berjumlah RM5,000 daripada seorang pemilik syarikat sebagai balasan membantu dalam urusan tuntutan bagi Program Insentif Pengambilan Pekerja. Suspek kini disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009," kata sumber.

Majistret Johor Bahru, Melody Woon Sze Mun, membenarkan

permohonan reman selama tiga hari terhadap kakitangan kerajaan itu bermula semalam sehingga esok.

Kelmarin, SPRM dilaporkan menahan 37 individu berusia 23 hingga 70 tahun yang terbabit dengan isu tuntutan palsu dan penyelewengaan dana PenjanaKerjaya.

Semua individu yang ditahan di beberapa negeri termasuk Putrajaya, Selangor, Johor, Kedah, Perak, Pulau Pinang, Melaka, Perlis, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan.

Untuk rekod, Program PenjanaKerjaya adalah antara inisiatif kerajaan menerusi PERKESO bagi membantuk majikan dan pekerja ketika mendepli cabaran COVID-19 sejak awal 2020.

Program itu bertujuan merangsang ekonomi negara melalui pewujudan pekerjaan baharu, mengekalkan pekerjaan dan meningkatkan kemahiran pekerja.

### Dua lagi direman

Sementara itu, dua lagi suspek yang ditahan reman semalam, masing-masing berusia 26 dan 40 tahun ditahan SPRM Pulau Pinang pada jam 6.50 malam dan 7.25 malam kelmarin.

"Mereka disyaki mengemukakan dokumen tuntutan yang mengandungi butiran palsu secara dalam talian kepada PERKESO bagi menuntut bayaran insentif pengambilan pekerja dan latihan



Sebahagian individu yang ditahan SPRM bagi membantu siasatan berhubung isu tuntutan palsu dan penyelewengaan dana PenjanaKerjaya di Putrajaya, semalam.  
(Foto SPRM)

daripada pertubuhan itu di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

"Kedua-duanya disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 dan Majistret Pulau Pinang, Rosnee Mohd Radzuan membenarkan permohonan reman selama enam hari bermula hari ini sehingga 20 Julai," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim, ketika mengesahkan penahanan terbaru itu, tidak menolak kemungkinan beberapa tangkap lagi akan dibuat dalam tempoh terdekat.

Nasional

Selasa, 19 Julai 2022 BH

Sidang Dewan Rakyat

# Kolam takungan pecah punca banjir di Baling

Kementerian sahkan kajian, lulus 6 projek bendung kejadian sama berulang

Laporan Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) mengesahkan punca banjir yang berlaku di beberapa kampung di Baling, awal bulan ini, disebabkan kolam takungan yang dibina di projek tanaman durian Musang King di puncak Gunung Inas, pecah.

Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata punca kejadian banjir dan kepala air pada 4 Julai lalu sehingga merugut tiga nyawa, di kesan melalui kajian yang dilaksanakan oleh kementerian itu.

Bagaimanapun, kenyataan Tuanku Ibrahim itu bercanggah dengan kenyataan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor sebelum ini bahawa berdasarkan tinjauan udara beliau bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) mendapat, tiada takungan air yang pecah seperti didakwa beberapa pihak, termasuk penduduk.

Muhammad Sanusi sebaliknya berkata, ia dipercayai disebabkan sumber air yang terkumpul terlalu banyak di Gunung Inas sebelum mengalir laju melalui puluhan cerun dan ke Sungai Kupang.

Menjawab soalan tambahan



Gambar fail, keadaan rumah yang terjejas selepas banjir lumpur di Kampung Iboi, pada 6 Julai lalu.

RSN Rayer (PH-Jelutong) mengenai situasi banjir di Gunung Inas pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam, Tuan Ibrahim mengesahkan kajian KASA juga mendapat ada satu kolam takungan yang pecah sehingga menyebabkan berlaku banjir di beberapa kampung, termasuk Kampung Iboi, Kampung Padang Langkuas, Bukit Hangus dan Kampung Pisang.

#### Kadar hujan tak lebat

"Kalau dilihat kadar hujan, ia tidak lebat sekadar 36 hingga 40 milimeter (mm) sahaja," katanya.

Kelmanin, sebanyak 36 pertumbuhan bukan kerajaan (NGO) turut mendesak kerajaan Kedah menutup projek Musang King di puncak Gunung Inas dan digantikan dengan tanaman pokok balak.

Penasihat Kelab Sahabat Alam Sik dan Grass Kedah, Mohd Sobri Ramlee berkata, projek berkenaan memberi kesan hakisan tanah jika hujan kerap melanda kawasan berkenaan.

Sementara itu, Tuan Ibrahim ber-

kata, susulan kejadian itu, kerajaan meluluskan enam projek bagi membendung kejadian yang sama, antaranya membabitkan pembinaan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) fasatru dan dua di Baling dengan peruntukan RM175 juta.

Kerajaan juga katakan, akan membangun dua struktur sabo bagi mengurangkan risiko aliran puing bernilai RM20 juta selain kerja mendalamkan sungai serta pembaikkan jambatan dengan peruntukan RM6 juta.

Sementara itu, Menteri Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Datuk Seri Takiyuddin Hassan, ketika menggulung penggulungan Rang Undang-Undang (RUU) Perhutanan Negara (Pinداan) 2022 bagi bacaan kali kedua berkata, Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengarahkan pihaknya mengetua agensi lain bagi menjalankan siasatan ter-

perinci kejadian banjir di Baling.

Katanya, pihaknya memberi jaminan akan mengumumkan berhubung punca kejadian dalam kadar segera selepas hasil siasatan diperoleh.

"Saya baru terima arahan daripada JPM melalui Pejabat Ketua Setiausaha Negara (KSN) bahawa KeTSA diarahkan untuk mengetua agensi bagi menjalankan siasatan di Baling."

"Di bawah KeTSA ada banyak jabatan iaitu Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM); Jabatan Mineral dan Geosains (JMG); Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

"Ia akan dipengerusikan KSN (Tan Sri Mohd Zuki Ali) sendiri tetapi KeTSA akan mengetua agensi itu," katanya.



Tuan Ibrahim



BH Selasa, 19 Julai 2022

Nasional 9

Seleweng dana PenjanaKerjaya RM100j

# SPRM tahan dua lagi suspek termasuk pengarah syarikat

Seorang lelaki, wanita disyaki tipu maklumat invois kepada PERKESO

Oleh Nor Azizah Mokhtar dan Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Dua lagi suspek termasuk seorang pengarah syarikat ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berhubung penyeleweng dana Prog-

ram Insentif Pengambilan Pekerja (PenjanaKerjaya) yang membabitkan nilai keseluruhan kira-kira RM100 juta.

Pengarah berusia 41 tahun itu yang kini direman empat hari sehingga Khamis, ditahan bersama seorang wanita yang juga ketua pegawai eksekutif berusia 40 tahun di ibu negara kira-kira jam 1.30 petang kelmarin.

Bagaimanapun, sumber memaklumkan wanita itu dibebaskan dengan jaminan SPRM selepas diambil keterangan.

Penahanan dua suspek itu menjadikan keseluruhan 42 individu ditahan melalui Op Hire yang dilancarkan SPRM bersama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), yang membabitkan

usia antara 28 hingga 70 tahun. Semua suspek ditahan di beberapa negeri termasuk Putrajaya, Selangor, Johor, Kedah, Perak, Pulau Pinang, Melaka, Perlis, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan.

Sumber memaklumkan, kedua-dua suspek dipercayai mengemukakan invois Program Latihan Insentif Pengambilan Pekerja yang mengandungi butiran palsu kepada PERKESO.

"Tindakan itu bagi memperoleh bayaran di bawah peruntukan PenjanaKerjaya berjumlah kira-kira RM700,000 sedangkan program berkenaan tidak dilaksanakan sepenuhnya," katanya.

Untuk rekod, Program Penja-

naKerjaya antara inisiatif kerajaan bagi membantu majikan dan pekerja ketika mendepani cabaran COVID-19 sejak awal 2020.

Dalam pada itu, Pengarah Kanan Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim mengesahkan penahanan itu dan memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

#### Tidak ahli MIC ditahan

Katanya, operasi dan siasatan masih diteruskan serta tidak menolak kemungkinan beberapa tangkap akan dibuat dalam tempoh terdekat.

Sementara itu, Menteri Sumber Manusia, M Saravanan mendakwa tiada maklumat mengenai penahanan ahli MIC berhubung penyeleweng dana Penjana-

Kerjaya, malah tiada operasi dijalankan SPRM di Kementerian Sumber Manusia (KSM) setakat ini.

SPRM sebelum ini dilapor menyiasat beberapa syarikat serta individu dan menjangkakan lebih ramai tangkapan akan dibuat melalui Op Hire.

Berdasarkan maklumat, syarikat terbabit sepertinya mengadakan latihan dan menggaji pekerja dalam bidang industri, namun mengemukakan tuntutan palsu dan menyeleweng dana program berkenaan.

Majikan berkenaan diperdaya mengambil data daripada orang luar atau berpapak dengan pembekal latihan untuk membuat tuntutan palsu dengan insentif ditawarkan itu.

## Berita Harian | 20 July 2022 | Page 18



Suspek tiba Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam. (Foto Samadi Ahmad/BH)

# Tiga kena reman kes rasuah lebih RM24 juta

**Putrajaya:** Seorang ketua pegawai eksekutif anak syarikat sebuah bank dan dua individu di reman lima hari sehingga Sabtu ini bagi membantu siasatan menerima rasuah berjumlah lebih RM24 juta.

Majistret Mohd Dinie Shazwan Ab Shukor membenarkan permohonan reman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Putrajaya semalam, terhadap suspek berusia 50-an, 53 dan 58 tahun itu.

Suspek seorang wanita dan lelaki berusia 58 tahun itu tiba di mahkamah pada jam 9 pagi manakala suspek lelaki berusia 53 tahun tiba di mahkamah pada jam 10.55 pagi.

Semuanya memakai baju lokap

berwarna jingga dan menaiki kenderaan berasingan ditemani pegawai SPM.

Mereka ditahan selepas disyaki meminta suapan sebagai balasan meluluskan pinjaman sebuah syarikat tempatan berjumlah lebih RM294 juta.

Suspek wanita bersama dua lelaki itu ditahan kira-kira jam 6 petang kelmarin di ibu pejabat SPM selepas dipanggil memberi keterangan.

Menurut sumber, wanita itu dipercayai menerima wang rasuah berjumlah lebih RM24 juta ketika berkhidmat dengan anak syarikat sebuah bank sekitar 2010.

Suspek lelaki berusia 53 tahun itu kini bekerja sebagai perunding kewangan manakala rakanannya tidak bekerja.

## Berita Harian | 20 July 2022 | Page 20

# Profesor didakwa kemuka tuntutan palsu RM66,000

**Kota Kinabalu:** Seorang profesor di universiti negeri ini akan didakwa di mahkamah hari ini kerana mengemuka tuntutan palsu membabitkan dana penyelidikan berjumlah lebih RM66,000.

Lelaki berusia 55 tahun itu ditahan di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sabah pagi, semalam.

Menurut sumber, profesor terbabit dipercayai mengemuka tuntutan palsu pada tahun 2014 hingga 2017 ketika bertugas sebagai pengarah institut di universiti berkenaan.

Difahamkan, tuntutan palsu itu membabitkan dana penyelidikan namun tiada perbelanjaan dilakukan.

Sementara itu, Pengarah SPM Sabah, Datuk S Karunanithy ketika dihubungi mengesahkan penahanan berkenaan.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPM 2009. Suspek dilepaskan dengan jaminan berjumlah RM10,000 dengan seorang penjamin dan dijangka akan dituduh di Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu dalam tempoh terdekat,” katanya.

Berita Harian | 22 July 2022 | Page 1,18



Dua pegawai kanan MARA didakwa lima tuduhan salah guna kuasa dapatkan rasuah

Nasional 18

## 2 pegawai kanan MARA dituduh terima suapan

**Kuala Lumpur:** Dua pegawai kanan Majlis Amanah Rakyat (MARA) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam masing-masing terhadap lima pertuduhan menyatah guna kuasa mendapatkan suapan.

Rizal Abdul Ghani, 44, dan Noor Irwan Marmin, 44, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Suzana Hussin.

Rizal yang tidak diwakili peguam didakwa atas lima pertuduhan melakukan kesalahan itu di Tingkat 20, Menara MARA, Jalan Tunku Abdul Rahman, sejak 17 September 2021 hingga 21 Januari 2022.

Dia sebagai seorang penjawat awam dituduh menggunakan kepentingan jawatannya sebagai Pengarah Kewangan Korporat Kumpulan MARA Corporation Sdn Bhd, untuk mendapatkan suapan dengan meluluskan Internal Memo, MARA Corporation.

Rizal didakwa menerima lima bayaran berasingan berjumlah RM30,375 pada 15 September 2021, dan seterusnya sebanyak RM2,625 pada setiap bulan bermula Oktober, November, Disember tahun sama serta Januari 2022.

**Dituduh guna kepentingan**  
Sementara itu, Noor Irwan didak-



Rizal dan Noor Irwan (kanan) tiba di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam. (Foto Halirul Anuar Rahim/BH)

wa melakukan kesalahan sama di Tingkat 20, Menara MARA, Jalan Tunku Abdul Rahman, sejak 17 September 2021 hingga 21 Januari 2022.

Dia sebagai seorang penjawat awam dituduh menggunakan kepentingan jawatannya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, MARA Corporation Sdn Bhd, untuk mendapatkan suapan dengan meluluskan Internal Memo, MARA Corporation.

Noor Irwan didakwa menerima lima bayaran berasingan berjumlah RM33,000 pada 15 September 2021, dan seterusnya sebanyak RM3,200 pada setiap bulan bermula Oktober, November, Disember tahun sama serta Januari 2022.

Noor Irwan didakwa menerima lima bayaran berasingan berjumlah RM33,000 pada 15 September 2021, dan seterusnya sebanyak RM3,200 pada setiap bulan bermula Oktober, November, Disember tahun sama serta Januari 2022.

Kedua-dua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 23 (1), Akta Su-ruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Timbalan Pendakwa Raya SP-

RM, A Kaliviani memohon jaminan setiap seorang sebanyak RM50,000. Mahkamah kemudian menetapkan jaminan RM45,000 kepada Noor Irwan dan RM40,000 kepada Rizal.

Kedua-dua tertuduh perlu menyerahterahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri kepada SPMR.

Mahkamah menetapkan 23 Ogos ini sebagai tarikh sebutan semula kes.

Berita Harian | 30 July 2022 | Page 6

## PERKESO perketat pantau pihak mohon PenjanaKerjaya

**Kuala Lumpur:** Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) memperketatkan pemantauan terhadap majikan dan penyedia latihan yang memohon Program Insentif Pengambilan Pekerja (PenjanaKerjaya) bagi memastikan kes penyelewangan serta tuntutan palsu membabitkan program itu tidak berulang.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohamed, berkata PERKESO melihat kepada setiap data bagi permohonan yang disertakan majikan, termasuk membuat semakan dan tapisan yang ketat terhadap dokumen serta panggilan rawak kepada mereka yang dikatakan ditarawakan pekerjaan.

Selain itu, pihaknya membuat lawatan mengejut ke premis majikan yang dikatakan menawarkan pekerjaan dan membuat risikan terhadap pihak yang terbabit dari semasa ke semasa.

"Kita melihat kepada permohonan oleh semua majikan melalui proses tertentu. Jadi, dalam kita memproses, ada segerintir kecil, mungkin kurang satu peratus daripada mereka yang mengambil kesempatan.

"Kita akan memperketat lagi

pemantauan melalui parameter kita. Kita memproses lebih 40,000 permohonan dan setakat ini mengenal pasti 37 (kes), tapi proses ini akan berterusan.

"Bagi mereka yang dianggap menawarkan pekerjaan, tetapi menyalahgunakannya, kita tidak akan berkompromi berdasarkan maklumat kecerdasan buatan (AI) yang kita peroleh daripada sistem dan akan di salurkan kepada pihak berwajib bagi tindakan susulan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media lanjutan Program JaminKerja-Insentif Penggajian (JKIP) di Menara PERKESO di sini, semalam.

### 45 individu ditahan SPRM

Sehingga 19 Julai lalu, seramai 45 individu ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menerusi Op Hire bagi membantu siasatan berhubung tuntutan palsu dan penyelewangan dana PenjanaKerjaya membabitkan nilai keseluruhan kira-kira RM100 juta.

Program PenjanaKerjaya adalah antara inisiatif kerajaan bagi membantu majikan dan pekerja mendepani cabaran COVID-19 sejak awal 2020.

Pada 15 Julai lalu, PERKESO dilaporkan menggantung baya- ran Program PenjanaKerjaya berjumlah RM423 juta susulan kes berkenaan.

Mohammed Azman menjelaskan, melalui pemantauan PERKESO, ada antara permohonan yang cuba melakukan manipulasi, di mana dokumen yang disertakan lengkap dan kelihan- tan tulen, namun ia tidak seperti yang dinyatakan apabila lawatan mengejut dilakukan pihaknya.

"Kita temuramah pekerja dan pergik ke premis, kemudian baru kita tahu ada unsur yang menjurus ke arah penyelewangan dan tindakan awal diam-bil untuk memberhentikan (bayaran) serta menyuruhkan maklumat kepada pihak berkuasa," katanya.

Kita akan memperketat lagi pemantauan melalui parameter kita. Kita memproses lebih 40,000 permohonan dan setakat ini mengenal pasti 37 (kes), tapi proses ini akan berterusan

### 55,000 peluang pekerjaan

Dalam perkembangan lain, Mohammed Azman berkata, PERKESO menyediakan 55,000 peluang pekerjaan kepada golongan rentan melalui pelanjutan Program JaminKerja-Insentif Penggajian (JKIP) untuk tempoh enam bulan lagi, sehingga 31 Disember ini.

Katanya, sebanyak RM475 juta akan disalurkan PERKESO sebagai insentif kepada majikan yang mewujudkan peluang pekerjaan, iaitu sebahagian daripada RM2 billion yang diperuntukkan kerajaan di bawah program itu dalam Bajet 2022.

"Lanjutan program ini akan memberikan tumpuan kepada usaha pengambilan pekerja daripada sektor pelancongan, pekerja yang menggantikan pe-

kerja asing (program Malaysia- nization), orang kurang upaya (OKU), wanita dan pekerja yang kehilangan pekerjaan.

"Sasarannya 55,000 peluang pekerjaan yang ditetapkan ini bagi menyokong matlamat program untuk mewujudkan 300,000 peluang pekerjaan sepanjang 2022."

"Bagi tempoh lanjutan JKIP ini, syarat permohonan dan kadar insentif kepada majikan dan bantuan mobiliti kepada pekerja yang diambil, kekal seperti sebelum ini," katanya.

Program JKIP yang sebelum ini ditutup pada 30 Jun lalu, adalah insentif kewangan yang diberikan kepada majikan yang membuat pengambilan baharu mulai 1 Januari 2022 dalam kalangan perantis, graduan, golongan mudah terjejas termasuk OKU, bekas tentera, bekas banduan, warga emas dan peganggur am.

Mohammed Azman berkata, sehingga 22 Julai lalu, jumlah penempatan pekerjaan melalui portal MyFutureJobs dan keseluruhan aktiviti penempatan pekerjaan di bawah PERKESO adalah sebanyak 115,483 pekerjaan, yang diisi dalam kalangan golongan rentan dan mereka yang kehilangan pekerjaan.



**Mohammed Azman Aziz Mohamed,**  
Ketua Eksekutif PERKESO